



PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



PMR/SRP/PT3 (KUMPULAN PELAKSANA)

» PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS)

Kekosongan : 8 Simpanan: 10

Syarat Kelayakan :

- i - Memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dan **empat (4) Lulus** (termasuk subjek Matematik) pada peringkat SRP/PMR/PT3 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- ii - Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- iii - **Keutamaan memiliki lesen memandu Kelas E dan ke atas** (Lesen Kelas F, G dan H) serta berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan (Gred H11).

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku iaitu dalam tempoh setahun daripada tarikh mendaftar. Calon-calon juga adalah dimohon untuk **mengemaskini pusat temu duga** yang terkini. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **12 Julai 2020 (Ahad) jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI PORTAL SPA

<https://www.spa.gov.my>

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/pmr-pt3/pemandu-kenderaan-gred-h11>